



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

BULAN KEBAJIKAN NEGARA LAHIRKAN MASYARAKAT YANG PENYAYANG

BANGI, 1 OKTOBER – Buat julung-julung kalinya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menganjurkan sambutan Bulan Kebajikan Negara yang disambut di seluruh negara. Mengangkat tema “**Memperkuh Inklusiviti Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat**”, acara kemuncak sambutan yang disertai lebih 50 ribu pengunjung telah sempurnakan oleh YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang berlangsung di Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan, Bangi hari ini.

Bulan Kebajikan Negara 2017 merupakan sambutan yang mengiktiraf dan menghargai sumbangan kumpulan sasar dan sekaligus memberikan perkhidmatan secara terus kepada masyarakat menerusi pelbagai Agensi yang bernaung di bawah KPWKM. Sejak majlis Prapelanaran yang telah diadakan pada 10 September 2017 di Beaufort, Sabah, pelbagai aktiviti turut dilancarkan di seluruh negara yang memberi penekanan mengenai perkhidmatan kepada masyarakat telah dianjurkan bagi memastikan misi penganjuran sambutan ini tercapai.

Menurut YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan perasmiannya berkata “pelaksanaan aktiviti kebajikan memerlukan kerjasama daripada semua pihak dan bukan terletak di bawah tanggungjawab Kementerian ini dan JKM sahaja. Individu, keluarga, masyarakat, organisasi swasta, dan NGO perlu memainkan peranan serta berganding bahu bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia”.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim dalam ucapannya berkata “**diharapkan seluruh komponen masyarakat dan komuniti Malaysia mengambil peluang dalam Bulan Kebajikan Negara ini untuk memupuk elemen kebajikan, kesukarelawanan, kebersamaan dan kerukunan antara kita agar selari dengan nilai-nilai murni yang terus disemarakkan dengan kesedaran bahawa kebajikan adalah tanggungjawab bersama. Selain daripada itu, orang ramai juga disarankan untuk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKM serta Kementerian terutamanya Talian Kasih 15999 bagi aduan isu kemasyarakatan.**

Dalam majlis sama, sebanyak 23 anugerah telah diberikan kepada kumpulan sasar KPWKM bagi menghargai pencapaian dan sumbangan mereka dalam pelbagai bidang. Sepanjang sambutan berlangsung, pelbagai aktiviti disediakan di PLPP antaranya pameran perkhidmatan, pertandingan nasyid dan bakat JKM, perkongsian ilmu serta Dialog TN50 bersama Warga Emas, Orang Kurang Upaya dan Sukarelawan.

Bagi memastikan negara bersedia menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 apabila penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk di Malaysia, portal *Beautiful Life For Seniors* (BLFS) turut dilancarkan bagi memberi hebahan dan perkongsian maklumat kepada warga emas termasuk penyertaan di dalam pelbagai aktiviti termasuk kesukarelawanan dan kemasyarakatan di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS).

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebajikan Masyarakat